

Headline	My Best Buy tingkat hasil jualan usahawan		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	21 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	2,802
Page No	74	Readership	8,406
Language	Malay	ArticleSize	412 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi	AdValue	RM 9,443
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,329



# My Best Buy tingkat hasil jualan usahawan

Bantu pengguna dapatkan produk pertanian pada harga lebih rendah

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi  
bhnews@bh.com.my

**Parit Buntar:** Konsep jualan terus kepada pengguna melalui program 'My Best Buy' anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) didapati berjaya meningkatkan hasil pendapatan usahawan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Peladangan negeri, Abdul Yunus Jamhari, berkata ia secara tidak langsung turut membantu pengguna mendapatkan produk pertanian dan bukan pertanian pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran.

Beliau berkata, konsep jualan terus kepada pengguna ternyata memberi impak positif kepada usahawan apabila mampu meningkatkan hasil jualan mereka sehingga 30 peratus.

"Konsep jualan terus dari ini bukan saja membantu usahawan tetapi turut membantu pembeli atau pengguna mendapatkan harga barangan yang rendah antara



**Abdul Yunus meninjau pameran** selepas merasmikan program Karnival My Best Buy dan Kempen Lebihkan Makan Buah Tempatan, Sayur dan Ulaman Peringkat Sekolah Negeri Perak di Kuala Kurau, semalam.

(foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

10 hingga 30 peratus berbanding harga pasaran.

"Program yang dilaksanakan ini akan berterusan dan menyasarkan masyarakat luar bandar dalam menangani masalah kos sara hidup yang meningkat," katanya pada sidang media selepas merasmikan program berkenaan dan Kempen Lebihkan Makan Buah Tempatan, Sayur dan Ulaman Peringkat Sekolah Negeri Perak di Dataran Peja, Kuala Ku-

rau, semalam.

Program yang berlangsung dari jam 8 pagi hingga 5 petang itu berlangsung meriah dan Abdul Yunus turut menaja 2,000 mangkuk cendol madu percuma kepada pengunjung.

Antara produk mendapat sambutan adalah ayam mentah berharga RM10 seekor (anggaran berat 1.5 kilogram (kg), ikan pelaling (RM8 kg) dan daging lembu RM26 kg.

Abdul Yunus berkata, kempen lebihkan makan buah tempatan, sayur dan ulam-ulaman itu bertujuan memupuk dan mendidik generasi muda agar mereka lebih menggemari buah-buahan tempatan.

Katanya, FAMA turut menyumbangkan pek buah-buahan tempatan kepada pelajar dan guru yang mengandungi buah manggis, dokong, rambutan, jambu dan durian.